

# **Dr Mokhtar dilantik Pengarah Unit Jaminan Kualiti KUTKM**

**Archival News | Berita Harian | 19/06/2003**

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Alor Gajah, Melaka mengumumkan beberapa pelantikan untuk memantapkan lagi pentadbiran dan mengisi kekosongan di fakulti.

Prof Dr Mokhtar Mohd Yusof yang sebelum ini sebagai Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan) Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah dilantik sebagai Pengarah Unit Jaminan Kualiti dan Akreditasi di Pejabat Canseleri untuk tempoh tiga tahun mulai 1 Jun hingga 31 Mei 2006.

Profesor Madya Lt Kol Mohd Hazani Shafie dan Profesor Madya Dr Md Radzai Said pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dilantik sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian Siswazah dan Timbalan Dekan (Akademik) di fakulti yang sama dan masing-masing berkuatkuasa mulai 1 April sehingga 31 Mac 2005 dan 2 Jun sehingga 31 Mei 2005.

Manakala Mohd Zulkefli Selamat dan Wan Mohamad Farid Wan Mohamad pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dilantik sebagai Ketua Jabatan Reka Bentuk dan Inovasi dan Ketua Jabatan Struktur dan Bahan untuk tempoh dua tahun mulai 1 April hingga 31 Mac 2005 di fakulti yang sama.

(END) Source : Berita Harian